

Lee sukar terima kejayaan Malaysia

BH - 5/10/2006

Menteri Mentor dengki sejak dulu: Abdul Ghani

Oleh Anwar Hussin, Johan Afandi, Abdul Razak Raaff dan Hidayah Mohamad

JOHOR BAHRU: Pemimpin pelbagai peringkat terus membiadas Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew yang berterusan memperkecilkan Malaysia dan enggan mengiktiraf kejayaan yang dicapai negara ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata penjelasan Lee kepada Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mencerminkan sikap dan dasar bekas pemimpin itu yang sentiasa dengki terhadap negara ini sejak dulu.

Abdul Ghani yang tidak hairan langsung dengan sikap Menteri Mentor Singapura itu berkata, "Itu memang sikap dia kepada Malaysia dan kita sebenarnya boleh mengesannya dalam percakapan dan kenyataan, dasar, tindakan dan langkah yang diambil terhadap negara ini," katanya di sini semalam.

Bercakap di sini semalam, Abdullah mengambil langkah tepat menolak alasan Lee dan membuktikan pemimpin Malaysia tidak menerima sebarang campur tangan pemimpin

luar terhadap hal ehwal negara ini.

Abdul Ghani diminta mengulas mengenai surat penjelasan Lee kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berhubung dakwaan masyarakat Cina di Malaysia dipinggirkan secara sistematik.

Kelmarin, Abdullah menolak alasan Lee berhubung kenyataan yang dibuatnya pada 15 September lalu dalam satu forum yang turut dihadiri

kalangan perwakilan asing, di republik berkenaan.

Sementara itu, bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, berkata Lee masih berpegang kepada pendirian kolot bahawa hanya Singapura mempunyai pemimpin dan rakyat yang berjaya di Asia Tenggara.

Beliau berkata, Lee juga masih menganggap bahawa Malaysia negara 'kampung' dan masyarakatnya masih kuno sedangkan Malaysia sudah jauh berubah dan diterima dunia sebagai negara yang berjaya dan moden dalam pelbagai bidang.

"Kejayaan Malaysia tidak dapat diterima Lee dan bekas pemimpin itu masih dibelenggu penyakit lamanya yang beranggapan hanya negaranya yang hebat," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata Kabinet semalam membincangkan isu itu berikutan rasa tidak puas hati banyak pihak berhubung jawapan Lee.

"Kita perlu menegakkan keadilan dan sebagai salah orang menteri, saya menghargai perbincangan itu," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas mesyuarat pasca Kabinet kementerianya di sini.

“Itu memang sikap dia kepada Malaysia dan kita sebenarnya boleh mengesannya dalam percakapan dan kenyataan, dasar, tindakan dan langkah yang diambil terhadap negara ini”

Abdul Ghani Othman
Menteri Besar Johor